

05/01/2000

Temu ramah Dr Siti Hasmah bertaraf lima bintang

Hajah Zuraini Ahmad

SAYA amat bertuah dan berterima kasih kepada RTM dengan siaran temu ramah bersama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali baru-baru ini. Rancangan ini boleh diandaikan bertaraf lima bintang dan seharusnya ditonton oleh seluruh rakyat Malaysia yang cintakan kedamaian dan kemakmuran.

Saya amat berminat dengan pelbagai segmen menarik yang diselitkan di dalam wawancara ini yang mana seluruh rakyat berpeluang mendalami kehidupan sebenar keluarga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sikap merendah diri dan kematangan bersuara yang ditunjukkan oleh Dr Siti Hasmah amat menarik minat penonton. Tiada caci-maki dan tohmahan dilemparkan kepada penentang kerajaan malah beliau menganggap segala tuduhan yang dilemparkan ke atas keluarganya sebagai satu cabaran dan dugaan yang harus ditempuhi dengan sabar.

Melalui rancangan ini saya sendiri berpeluang mengetahui detik-detik pertemuan Dr Siti Hasmah dan Dr Mahathir, kisah silam tokoh ternama yang disanjung. Saya berpuas hati terhadap pengendalian rancangan ini dan berharap seluruh rakyat Malaysia turut sama menegakkan kebenaran memberikan buah fikiran yang bernas dan menghindari segala bentuk tohmahan dan keganasan, terutamanya selepas pilihan raya.